KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	08/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			

Tiada buaya dilaporkan di Taman Dengkil Jaya

SH 8.12.2021_24

SHAH ALAM - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) menafikan penemuan seekor buaya di sebuah tasik di Taman Dengkil Jaya, Dengkil seperti yang tular di laman sosial pada Isnin.

Pengarahnya, Dennis Ten Choon Yung berkata, siasatan pihaknya mendapati lokasi yang dipaparkan dalam gambar dan video tular itu sebenarnya sebuah kolam buaya di Paya Indah Wetlands.

Menurutnya, perkara itu dimaklumkan kakitangan Paya Indah Wetlands yang mendapati ia sama dengan kawasan sebuah kolam buaya di situ.

"Hari ini (Selasa) kita menerima maklumat bahawa video atau gambar tular mengenai reptilia itu adalah di Paya Indah Wetlands," katanya ketika dihubungi di sini pada Selasa.

Beliau bagaimanapun berkata, kawasan Paya Indah Wetlands juga berada di bawah seliaan Perhilitan.

"Kita juga sudah meneliti rakaman sebuah video yang memaparkan kehadiran buaya berkenaan. Ia sama seperti kawasan kolam buaya itu dan bukannya di sebuah tasik seperti yang didakwa," jelas beliau.

Dennis berkata, sepasukan pegawai dan anggota dari Perhilitan negeri dan Hulu Langat pada Isnin bergegas ke tasik itu sejurus menerima maklumat mengenai penemuan tersebut.



Buaya yang dikatakan dijumpai di sebuah tasik di Taman Dengkil Jaya, Dengkil pada Isnin.

"Hasil pemeriksaan menyeluruh Perhilitan bagaimanapun tidak menemui buaya di kawasan berkenaan," katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai tidak menyebarkan maklumat palsu mengenai kehadiran buaya di kawasan tersebut.

"Orang awam diminta menghubungi Perhilitan di talian hotline 1-800-88-5151 sekiranya terdapat sebarang aduan berkaitan hidupan liar," ujarnya.

Sinar Harian pada Isnin melaporkan, penduduk di Taman Dengkil Jaya gempar dengan kehadiran seekor buaya sepanjang kira-kira dua meter dalam sebuah tasik berhampiran kawasan tersebut.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Norazam Khamis berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung penemuan itu pada jam 8.29 malam.